

21/07/1997

Aplikasi perdana MSC tawar peluang niaga

Mutazar Abd Ghani

KORIDOR Raya Multimedia (MSC) adalah hadiah Malaysia kepada dunia. Bagi memelopori pembangunan MSC dan memberi bentuk kepada persekitarannya, tujuh bidang utama untuk aplikasi multimedia dikenal pasti.

Aplikasi perdana ini mengandungi peluang yang tidak diduga dan menarik kepada perniagaan tempatan dan antarabangsa - dalam kepelbagaian dan skop mereka, serta dalam cara yang mana mereka ditawarkan kepada komuniti global.

Peneraju kepada aplikasi perdana ini ialah kementerian dan agensi kerajaan yang melaporkan secara langsung kepada Majlis Pelaksanaan MSC, dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan timbalannya. Agensi berkenaan bekerjasama rapat secara rakan kongsi dengan syarikat multimedia terkemuka tempatan dan antarabangsa bagi memperjelaskan konsep dan mewujudkan pelan pelaksanaan yang lengkap.

Pasukan usaha sama kerajaan-sektor swasta membangunkan cadangan konkrit untuk setiap aplikasi perdana di antara Disember 1996 dan Jun 1997 dan ia kini memasuki fasa pelaksanaan sejak Julai 1997.

Menurut Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), menerusi aplikasi perdana, kerajaan memperluaskan pelawaan terbuka untuk komuniti multimedia di Malaysia dan di seluruh dunia bagi menyertai MSC.

Aplikasi perdana MSC dibahagikan kepada dua kategori yang jelas:

- * Aplikasi Perdana `Pembangunan Multimedia' menawarkan peluang perniagaan yang konkrit untuk memudahkan pembangunan multimedia; dan
- * Aplikasi Perdana `Persekitaran Multimedia' menyediakan persekitaran optimum sebagai menyokong syarikat multimedia yang memasuki MSC.

Aplikasi Perdana Pembangunan Multimedia mempunyai matlamat jangka panjang yang melepasi sempadan MSC. Menyokong Wawasan 2020, projek ini mempunyai aspirasi untuk menukarkan elemen utama infrastruktur teknologi Malaysia dan sistem sosial dalam bidang, seperti pendidikan atau pentadbiran perniagaan, menggunakan teknologi multimedia.

Setiap aplikasi akan menyediakan syarikat dengan peluang konkrit untuk kerjasama dengan kerajaan dalam mewujudkan dan melaksanakan penyelesaian inovatif multimedia dalam persekitaran unik.

Elemen aplikasi ini sudah dilaksanakan di negara lain di dunia. Tidak pernah sebelum ini keseluruhan jalur pelbagai aplikasi ini cuba digunakan dalam satu lokasi, kata MDC.

Sehubungan itu, projek ini akan membolehkan rakan pelaksanaan mereka menggunakan MSC sebagai ujian dasar global untuk pembangunan multimedia dan teknologi maklumat (IT).

Empat aplikasi perdana yang akan dilaksanakan ialah Kerajaan Elektronik, Kad Pelbagai Guna, Sekolah Bestari dan TelePerubatan.

Bagi setiap empat aplikasi berkenaan, pasukan yang dianggotai MDC, agensi utama dan wakil kerajaan-sektor swasta sudah membangunkan `konsep permohonan untuk cadangan' (CRFP) yang menghuraikan keperluan pengenalan aplikasi perintis dan memberi konsortium syarikat sektor swasta keperluan keanjalan untuk mencipta dan menghasilkan penyelesaian terbaik.

CRFP menyokong objektif MSC dengan:

- * Membantu menarik syarikat multimedia utama ke Malaysia;
- * Menggalakkan mereka menggunakan potensi penuh masing-masing dalam penyediaan teknologi yang memberi faedah maksimum kepada pengguna dan negara; dan,
- * Menggalakkan kerjasama dan pemindahan teknologi, terutama dengan

industri kecil dan sederhana.

Lima CRFP akan diterbitkan untuk aplikasi Kerajaan Elektronik, satu bagi Kad Pelbagai Guna, lima untuk Sekolah Bestari dan empat untuk teleperubatan.

CRFP ini dijadual dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu ini. Menurut MDC, selepas pelancaran itu, dokumen berkenaan akan boleh diperolehi daripada agensi yang bertanggungjawab menegnainya serta di halaman internet MDC di alamat:

<http://www.mdc.com.my>.

Mulai esok, dalam halaman Berita Ekonomi, Berita Harian akan turut menyiarkan ruang khas setiap hari mengenai aplikasi perdana MSC berkenaan.

(END)